



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEFUNGSIAN KELUARGA : SATU TINJAUAN BERDASARKAN KUALITI
KEHIDUPAN DAN FAKTOR DEMOGRAFIK DI KALANGAN REMAJA
PEREMPUAN DELINKUEN**

AMELIA BINTI MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT BAGI IJAZAH SARJANA SAINS SOSIAL
PSIKOLOGI KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN**

**PUSAT PENGAJIAN PSIKOLOGI DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 November 2005

AMELIA BINTI MOHD NOOR
P 26442





DEDIKASI

“Khas buat mama, abah, along, acik dan adik serta keluarga yang tersayang...

“Bagimu guru-guru...

“Untukmu teman...

“Buat rakan-rakan seperjuangan...

“Tidak lupa kepada insan-insan yang mewarnai kehidupan...

**“Semalam telah berlalu meninggalkan seribu kenangan...
semoga hari ini dan seterusnya lebih indah daripada semalam”.**





ABSTRAK

Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk memperihalkan hubungan antara kefungsian keluarga dengan kualiti kehidupan (iaitu kemurungan dan kepuasan hidup). Seramai 356 orang remaja perempuan yang telah dikenalpasti terlibat dengan delikuen telah dipilih sebagai subjek kajian. Kajian yang telah dijalankan ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara setiap domain yang terkandung dalam kefungsian keluarga dengan kualiti kehidupan. Perbezaan kefungsian keluarga dari aspek faktor demografik seperti tempat tinggal, bilangan adik-beradik dan pendapatan keluarga turut dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kefungsian keluarga dengan kepuasan hidup, namun hubungan secara songsang diperolehi antara kefungsian keluarga dengan kemurungan. Keputusan juga menunjukkan kesemua domain kefungsian keluarga berhubung secara signifikan dengan kualiti kepuasan hidup dan hanya domain perapatan berkolerasi dengan kemurungan. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kefungsian keluarga berdasarkan ketiga-tiga faktor demografik yang dikaji.



ABSTRACT

The purpose of this study was to describe the relationship between family functioning and quality of life (life satisfaction and depression). 356 female adolescents who had identified as delinquents were chosen to be the subjects of this study. The conducted study attempts to identify the relationship between each domains in family functioning and quality of life. The difference in family functioning from demographic aspects including location, number of siblings and family income were also examined. Results of the study showed that there was a significant relationship between family functioning and life satisfaction, however there was a negative relationship between family functioning and depression. The study also showed that there were significant correlation between all domains in family functioning and life satisfaction and only intimate domain showed the significant relationship with depression. The results of the study found that there were no significant difference in family functioning based on the three demographic factors.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xii
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kesignifikanan Kajian	8
1.5 Definisi Konsep	9
1.5.1 Keluarga	10
1.5.2 Kefungsian keluarga	11
1.5.3 Kualiti Kehidupan	12
1.5.4 Remaja	13
1.5.5 Delinkuen	15
1.6 Tinjauan Kajian-kajian Lepas	17
1.6.1 Kajian Tempatan	17
1.6.2 Kajian Luar Negara	20

Halaman

1.7	Kerangka Teori	25
1.7.1	Teori Sistem Keluarga	25
1.7.2	Teori Psikososial	26
1.7.3	Teori Kawalan Sosial	27
1.8	Model Kajian	28
1.9	Hipotesis Kajian	31
BAB II	METODOLOGI	33
2.1	Pengenalan	33
2.2	Reka Bentuk Kajian	33
2.3	Tempat Kajian	34
2.4	Subjek Kajian	34
2.5	Instrumen Kajian	35
2.5.1	Bahagian A : Laporan Maklumat Diri	35
2.5.2	Bahagian B : Intimate, Conflict and Parenting Style-Family Functioning Scale (ICPS-FFS)	35
2.5.3	Bahagian C : Beck Depression Inventory (BDI)	37
2.5.4	Bahagian D : Brief Life Satisfaction Scale (BLSS)	38
2.6	Prosedur Kajian	38
2.7	Cara Pemarkatan	38
2.7.1	Intimate, Conflict and Parenting Style-Family Functioning Scale (ICPS-FFS)	39
2.7.2	Beck Depression Inventory (BDI)	39
2.7.3	Brief Life Satisfaction Scale (BLSS)	40
2.8	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	41
2.9	Kesahan Instrumen Kajian	42
2.10	Penganalisaan Data	44

**Halaman**

BAB III	KEPUTUSAN	45
3.1	Pengenalan	45
3.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	45
3.3	Kesahan Instrumen Kajian	46
3.4	Keputusan Analisis Deskriptif	48
3.4.1	Faktor Demografik	48
3.4.2	Kefungsian Keluarga dan Kualiti kehidupan	49
3.5	Keputusan Analisis Inferensi	50
3.5.1	Hipotesis 1 : Terdapat perbezaan dalam kefungsian keluarga mengikut tempat tinggal bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	51
3.5.2	Hipotesis 2 : Terdapat perbezaan dalam kefungsian keluarga mengikut bilangan adik-beradik bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	51
3.5.3	Hipotesis 3 : Terdapat perbezaan dalam kefungsian keluarga mengikut pendapatan bulanan keluarga bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	52
3.5.4	Hipotesis 4 : Terdapat hubungan di antara kepuasan hidup dengan kemurungan di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	53
3.5.5	Hipotesis 5 : Terdapat hubungan di antara kefungsian keluarga dengan kepuasan hidup di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	53
3.5.6	Hipotesis 6 : Terdapat hubungan di antara kefungsian keluarga dengan kemurungan di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.	55
3.6	Kesimpulan	56



Halaman

BAB IV	PERBINCANGAN	57
4.1	Pengenalan	57
4.2	Pengaruh Faktor Tempat Tinggal Terhadap Kefungsian Keluarga	57
4.3	Pengaruh Faktor Bilangan Adik-Beradik Terhadap Kefungsian Keluarga	58
4.4	Pengaruh Faktor Pendapatan Bulanan Keluarga Terhadap Kefungsian Keluarga	58
4.5	Hubungan antara Kepuasan Hidup dengan Kemurungan	59
4.6	Hubungan antara Kefungsian Keluarga dengan Kepuasan Hidup	61
4.7	Hubungan antara Kefungsian Keluarga dengan Kemurungan	64
4.8	Kesimpulan	67
BAB V	PENUTUP	68
5.1	Pengenalan	68
5.2	Rumusan Kajian	68
5.3	Implikasi Kajian	70
5.4	Limitasi Kajian	72
5.5	Saranan Kajian	73
5.6	Kesimpulan	74

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Pengkategorian Item ICPS-FFS Berdasarkan Subskala	36
2.2	Pembahagian Kandungan Jenis Item	39
2.3	Cara Pemarkatan Bagi Alat Ujian BDI	40
2.4	Tahap Kemurungan Mengikut Nilai Median	40
2.5	Klasifikasi Tahap Kepuasan Hidup	41
3.1	Keputusan Kolerasi Item Keseluruhan Alat Ukuran ICPS-FFS	46
3.2	Keputusan Kolerasi Item Keseluruhan Alat Ukuran BDI	47
3.3	Keputusan Kolerasi Item Keseluruhan Alat Ukuran BLSS	48
3.4	Kriteria Sampel Kajian Berdasarkan Faktor Demografik (N = 356)	49
3.5	Skor Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Kefungsian Keluarga Dan Kualiti Kehidupan	50
3.6	Ringkasan Keputusan Ujian-T Dalam Kefungsian Keluarga Mengikut Tempat Tinggal	51
3.7	Ringkasan Keputusan ANOVA Sehala Dalam Kefungsian Keluarga Mengikut Bilangan Adik-Beradik	52
3.8	Ringkasan Keputusan ANOVA Sehala Dalam Kefungsian Keluarga Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	52
3.9	Keputusan Analisis Kolerasi Di Antara Kepuasan Hidup Dengan Kemurungan	53
3.10	Keputusan Analisis Kolerasi Di Antara Kefungsian Keluarga Dengan Kepuasan Hidup	54
3.11	Keputusan Analisis Kolerasi Di Antara Domain Kefungsian Keluarga Dengan Kepuasan Hidup	54



No. Jadual

Halaman

3.12	Keputusan Analisis Kolerasi Di Antara Kefungsian Keluarga Dengan Kemurungan	55
3.13	Keputusan Hubungan Di Antara Domain Kefungsian Keluarga Dengan Kemurungan	56





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Ringkasan Model Konseptual Berkait Dengan Konstruk Kriteria Keluarga Yang Membawa Kepada Tingkahlaku Delinkuen	29
1.2	Kerangka Model Pengkaji	30





SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

*	Signifikan pada aras keyakinan yang dinyatakan
>	Lebih besar daripada
<	Lebih kecil daripada
α	Nilai pekali kebolehpercayaan Alfa
r	Nilai pekali kolerasi
t	Nilai statistik ujian-t
F	Nilai statistik ujian analisis varians
k	Kebarangkalian
N	Jumlah
%	Peratus
Min	Min / purata
dk	Darjah kebebasan
SP	Sisihan piawai
JKD	Jumlah kuasa dua
MKD	Min kuasa dua
ANOVA	Analisis varians
ICPS-FFS	Inmate Conflict Parenting Style – Family Functioning Scale
BDI	Beck Descriptive Inventory
BLSS	Brief Life Satisfaction Scale
et el.	Dan pengarang-pengarang lain
bil	Bilangan
ed.	Edisi
EDA	Exploratory Data Analysis





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Malaysia dewasa ini menghadapi pelbagai masalah sosial yang perlu ditangani dengan bijaksana. Pengaruh sosial yang buruk serta membawa keruntuhan moral, krisis dan dilema yang tidak diingini adalah antara isu yang perlu dibendung (Abd Rahim, 2001). Masalah jenayah dan delinkuensi merupakan salah satu isu yang semakin menarik perhatian awam dan ia sering menjadi bahan perbincangan politik semasa. Media massa pula memaparkan berita dan cerita yang tidak kurang hebatnya tentang keadaan jenayah dan delinkuensi yang jumlahnya dikatakan sedang meningkat (Rokiah, 2000). Asmah Bee (1994) menyatakan bahawa, pada umumnya ahli psikologi perkembangan mendefinisikan delinkuen sebagai tingkahlaku yang menyeleweng dari norma dan nilai-nilai sosial yang dilakukan oleh kanak-kanak atau remaja yang boleh mengancam dirinya dan masa depan masyarakat sekeliling.

Menurut Agnew (2001) kebanyakan pesalah delinkuen ini mula melibatkan diri di peringkat akhir zaman kanak-kanak sehinggalah peringkat pertengahan remaja, malah penglibatan mereka semakin meningkat ketika peringkat akhir remaja iaitu pada umur antara 17 hingga 19 tahun. Secara tipikalnya, Jas Laile Suzana (2002) menyatakan bahawa zaman remaja dilihat sebagai satu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan



berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu zaman peralihan atau transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa.

Zaman remaja sering dilihat sebagai zaman di mana individu membuat percubaan terhadap sifat-sifat, peranan dan tingkahlaku yang baru. Ada remaja yang memilih untuk terlibat dalam tingkahlaku berisiko ini. Bagi sesetengah yang lain, pengalaman yang ingin diperolehi hanyalah sekadar satu eksperimen dan ianya akan menjadi satu fasa yang berlalu. Namun bagi remaja yang lain, ianya boleh menjadi permulaan membabitkan diri dalam masalah yang akhirnya akan dibawa ke dalam zaman dewasanya. Umumnya, remaja mengalami pergolakan dalam pemilihan corak dan perubahan fizikal serta membentuk sub budaya sendiri sebagai persediaan menghadapi masyarakat atau menyesuaikan diri dengan masyarakat. Menurut Abd. Rahim (2001), kelemahan ini menyebabkan berlakunya masalah sosial di kalangan remaja seperti terlibat dengan kegiatan jenayah, tidak bertanggungjawab, bersifat destruktif dan antisosial, tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas serta sering menyalahkan pihak lain atas perbuatan dan kelemahan diri sendiri.

Menurut Rodney dan Mupier (2004), perangkaan yang dikeluarkan oleh *The U.S. Bureau of the Census* tahun 1991 menunjukkan penggunaan dadah dan alkohol di kalangan golongan muda bermula pada usia 12 tahun. Hampir 30% remaja yang berumur 12 hingga 17 tahun melibatkan diri dengan alkohol, 25% dengan rokok dan 14% dengan marijuana. Di kalangan mereka yang berumur 18 tahun ke atas, sebanyak 73% terlibat dengan alkohol, 50% dengan rokok dan 25% dengan marijuana (Asmah Bee dan Iran, 1995). Berdasarkan *American Bar Association and National Bar Association* pada tahun 2001 sebagaimana yang dikemukakan oleh Rodney dan Mupier (2004), remaja perempuan menunjukkan peningkatan kadar penglibatan juvana. Walaupun jenayah juvana pada mulanya didominasi oleh remaja lelaki, ramai pengkaji mendapati remaja perempuan mencatatkan peningkatan dalam delinkuen berbanding lelaki (Bloom, 1997; Poe-Yamataga dan Butts, 1996; dalam Rodney dan Mupier, 2004). McManus et al. (1984) dalam Kamsiah dan Ba' Yah (2003) mendapati 62% jenayah serius juvana perempuan dan 25% jenayah serius juvana lelaki mempunyai perkaitan dengan penderaan



fizikal, pengabaian dan terbiar. Masalah ini lebih tinggi di kalangan perempuan berbanding juvana lelaki.

Remaja yang sedang melalui satu peringkat perkembangan ini lebih terdedah dan lebih mudah terpengaruh lantaran pergaulan sosial yang lebih luas serta pendedahan konteks geografi yang lebih lebar. Menurut Calvert (2002) penglibatan remaja dalam salah laku kebiasaannya adalah secara berkumpulan dalam saiz yang lebih kecil. Pada permulaannya mereka terlibat dengan tingkahlaku antisosial seperti menipu, mencuri, dan kemudian ke arah tingkahlaku agresif yang mana tidak hanya terlibat dengan tingkahlaku-tingkahlaku yang lebih serius akan tetapi berkemungkinan terus terlibat sebagai pesalah dewasa. Kesemua ini memberikan pendedahan tentang kehidupan melebihi daripada apa yang diperolehi daripada keluarga dan juga sekolah.

Namun, sebesar mana pun pengaruh yang akan ditempuhi oleh remaja, kesemuanya bertitik tolak daripada keluarga. Asmah Bee dan Iran (1995) melaporkan pendapat seorang ahli psikologi iaitu Erik Erikson yang menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan remaja dalam aspek sosial, intelek, sahsiah dan emosi adalah bergantung kuat kepada hubungannya dengan keluarga. Pengaruh keluarga bukan bermula di zaman remaja, tetapi ia telah bermula sejak awal kehidupan kanak-kanak.

Keluarga adalah merupakan agen sosialisasi yang utama bagi kanak-kanak dan remaja, kriteria-kriteria ini boleh dilihat sama ada menggalakkan atau mengurangkan pembabitkan remaja dalam tingkahlaku delinkuen (Calvert, 2002). Oleh itu peranan ibubapa menduduki tempat yang sangat penting dalam kehidupan seseorang remaja (Ong, 1986). Selain itu, kegagalan dalam akademik, penglibatan awal dalam seksual, sejarah didera, mempunyai penghargaan sendiri yang rendah, sistem keluarga yang tidak berfungsi, jantina dan bangsa telah dikenalpasti sebagai faktor-faktor berisiko yang menyumbang ke arah kesalahan juvana terutamanya berhubung dengan remaja perempuan (OJJDP, 1998b dalam Rodney & Mupier, 2004).





Spergel (1966) dalam Sullivan dan Wilson (1995) pula menyatakan bahawa faktor penyebab berlakunya delinkuen adalah disebabkan oleh ego yang lemah yang terhasil daripada perhubungan keluarga yang tidak efektif atau bersifat destruktif. Kesannya mereka tidak lagi mempercayai dan membina satu perhubungan yang produktif dengan orang dewasa kerana mengalami konflik peribadi, penghargaan sendiri yang rendah dan tahap kebimbangan yang tinggi. Tingkahlaku delinkuen atau pradelinkuen lazimnya dilihat sebagai suatu yang neurotik, iaitu pertahan ego untuk membalasnya semula terhadap masyarakat (samada orang dewasa atau rakan sebaya) di atas kegagalan personal. Perspektif ini berbalik semula kepada keluarga dalam memberikan penjelasan berkaitan dengan konflik yang berlaku.

Menurut Dusek (1991) dalam Aini Asirah (2002), perapatan ibubapa adalah penting dalam membantu remaja menyesuaikan diri dalam dunia sosial dengan lebih baik. Sekiranya remaja tidak mempunyai perhubungan yang rapat dengan ibubapa, berkemungkinan mereka akan menemui kesukaran untuk mengadakan atau mengekalkan sesuatu perhubungan dengan rakan-rakan. Kesannya, mereka bebas melakukan apa sahaja sehingga membawa kepada salah laku. Selain itu, Ge et al. (1996) menyatakan bahawa amalan keibubapaan adalah berkaitan dengan masalah dalaman yang dialami oleh kanak-kanak dan remaja terutamanya pada mereka yang mempunyai simptom-simtom kemurungan. Manakala menurut Saedah (2004), darjah konflik antara remaja dan ibubapa banyak bergantung kepada dalam pengendalian isu-isu autonomi yang mencabar undang-undang dan peraturan keluarga yang telah sedia ada seperti yang berkaitan dengan *privacy*, kawalan dan tanggungjawab.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Patterson (1992) dalam Ge et al. (1996), masalah eksternal atau luaran seseorang remaja atau kanak-kanak seperti masalah tingkahlaku dan delinkuen mempunyai pengaruh yang besar daripada apa yang dialaminya daripada keluarga. Sumber-sumber keluarga seperti ekonomi, sosialisasi, afek, identiti dan perkembangan personal ahli keluarga adalah merupakan input-input yang dinamik terhadap sistem keluarga yang menerangkan bagaimana sesebuah keluarga berfungsi (Anderson, 2002). Keluarga yang berfungsi atau kefungsiannya keluarga boleh





dirujuk sebagai suatu unit yang intim dan mesra, saling berhubungan dan bergantung antara satu sama lain di mana setiap ahlinya berkongsi sama nilai-nilai, matlamat, sumber, bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil dan menunjukkan komitmen antara satu sama lain merentasi masa (Nor Azri, 2002).

Menurut Wright dan Wright (1994), keluarga adalah merupakan unit sosial yang paling asas bagi manusia. Kanak-kanak yang tidak diterima oleh ibubapa mereka, membesar dalam keluarga yang penuh konflik dan tidak dipantau sebaiknya adalah merupakan individu yang paling berisiko terlibat dalam masalah delinkuen. Pendapat ini mempunyai persamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Kamsiah dan Nor Ba'iah (2003) yang menyatakan bahawa individu yang mengalami gangguan di masa muda diandaikan akan mengalami gangguan yang lebih kronik bila dewasa nanti. Keadaan menjadi lebih rumit jika pengalaman lepas menyebabkan mereka kurang percaya dengan orang dewasa terutama sekali setelah mereka disisih bukan hanya oleh masyarakat tetapi juga oleh keluarga sendiri.



Impak kegelinciran peranan keluarga ini juga turut menjejaskan kualiti kehidupan remaja. Menurut Kemp dan Krause (1999), kualiti kehidupan dari konteks psikologikal boleh berbentuk sama ada positif iaitu direflekkan sebagai tahap kepuasan hidup yang tinggi atau negatif yang direflekkan dalam bentuk kemurungan. Heller et al. (2004) menyatakan bahawa kepuasan hidup adalah menggambarkan satu penilaian dan pentaksiran kognitif secara umum terhadap kepuasan seseorang dengan hidupnya. Ia boleh dilihat sebagai ringkasan penilaian seseorang terhadap apa yang disukai dan tidak disukainya. Manakala Beck (1967,1976) dalam Iran dan Asmah Bee (1993) melihat kemurungan adalah disebabkan oleh individu yang membentuk set atau skema kognitif yang negatif terhadap dirinya. Ini menyebabkan individu mudah mengalami kemurungan apabila berlakunya keadaan tertekan atau mengalami kehilangan. Para ahli psikologi dalam bidang psikiatri telah menaksirkan satu daripada sepuluh orang di Amerika Syarikat mengalami kemurungan manakala lapan daripada golongan yang mengalami kemurungan memerlukan rawatan sepanjang hidup mereka (Wright dan Wright, 1994).





Bahkan sekarang kita melihat dengan jelasnya bahawa semakin banyak gejala kemurungan ini dialami oleh remaja (Mok, 2002).

Dengan demikian, kefungsian keluarga merupakan isu yang berkait rapat dengan kualiti kehidupan seseorang individu terutamanya bagi remaja yang masih lagi berada dalam proses mengenal diri dan sosialisasi sebenar. Ianya memberi impak secara langsung terhadap remaja perempuan secara khususnya terhadap arah tuju kehidupannya. Justeru itu, penumpuan kajian turut difokuskan terhadap elemen-elemen yang terkandung dalam kefungsian keluarga iaitu merangkumi perapatan, konflik serta gaya keibubapaan. Di samping itu, pengkaji juga memilih pembolehubah seperti kualiti kehidupan dan juga perbandingan berdasarkan beberapa faktor demografi yang terpilih.

1.2 Permasalahan Kajian

Secara umum trend jenayah di Malaysia didapati lebih kurang sama dengan keadaan di negara maju, walaupun terdapat perbezaan tertentu, misalnya dari segi jumlah dan kadar (Rokiah, 2000). Berdasarkan perangkaan statistik tahun 2003 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, didapati bilangan remaja yang ditempatkan di institusi pemulihan adalah seramai 4998 orang dan mereka ini adalah individu yang dikenalpasti terlibat dalam masalah juvana. Daripada jumlah terbabit seramai 179 orang adalah merupakan remaja perempuan yang mana kadar bilangannya meningkat sebanyak 22.9% berbanding dengan jumlah bilangan remaja delinkuen perempuan pada tahun sebelumnya. Apa yang lebih membuatkan remaja delinkuen perempuan perlu diberi perhatian ialah kadar bilangan remaja delinkuen lelaki adalah menurun sebanyak 6.9% dengan perbandingan tahun sebelumnya.

Merujuk kepada Rodney dan Mupier (2004) yang telah menjalankan kajian membandingkan antara ciri-ciri remaja perempuan dengan remaja lelaki yang terlibat dalam sistem keadilan juvana, mendapati kadar remaja perempuan yang terlibat dengan





sistem perundangan juvena adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan remaja lelaki. Keadaan yang sama dilaporkan dalam konteks ketidakberkesanan kawalan daripada ibubapa yang menunjukkan bahawa mereka lebih mengalami banyak masalah dalam keluarga.

Sehubungan itu golongan remaja umumnya, mahukan satu kebebasan iaitu tidak terikat dengan kedua-dua ibubapa. Mereka ingin melakukannya sendiri yang mana segala keputusan terletak pada tangan mereka. Keadaan ini telah dinyatakan oleh Mahmood Nazar (1990) bahawa remaja mempunyai keinginan untuk bebas dari kongkongan ibubapa mereka, ingin berdikari dan membuat apa yang disukai oleh mereka. Atas dasar ruang lingkup ini juga, timbulnya persoalan bagaimana kualiti kehidupan bagi seorang remaja sejajar dengan arus perubahan perkembangan diri yang dialami mereka. Dalam kajian ini, kepuasan hidup dan kemurungan dijadikan sebagai *anchor points* bagi kontinum kualiti kehidupan.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh Hoyt dan Schere (1998) dalam Smith dan Kerpelman (2002), mereka mendapati tidak banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan keluarga dan delinkuen yang memfokuskan pembolehubah proses keluarga (seperti kelemahan pemantauan ibubapa, pertelingkahan yang berlaku dalam keluarga dan juga komunikasi keluarga) berbanding dengan isu-isu keluarga yang berbentuk struktural (seperti keluarga dari ibu atau bapa tunggal).

Selaras dengan penekanan oleh Immagerion (1996), beliau menyatakan bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam memahami sebahagian besar masalah tingkahlaku delinkuen. Rentetan daripada itu, berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan di atas, adalah difikirkan rasional dan menarik minat pengkaji untuk meninjau perhubungan antara proses keluarga atau secara jelasnya kefungsiian keluarga dengan kualiti kehidupan di kalangan remaja delinkuen perempuan.





1.3 Objektif Kajian

Manusia adalah unik dan berbeza daripada seorang individu dengan individu yang lain. Malahan, tingkahlaku manusia itu adalah kompleks (Burger, 2000). Di sini, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat sama ada kefungsiian keluarga yang dipersepsikan oleh remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen mempunyai hubungkait dengan kualiti kehidupannya, iaitu dari segi kepuasan hidup dan juga kemurungan. Pada masa yang sama, pengkaji juga ingin membandingkan keputusan kefungsiian keluarga yang dipersepsikan oleh remaja perempuan dari segi tempat tinggal, bilangan adik-beradik dan juga pendapatan bulanan.

Secara khusus, daripada kenyataan kajian yang dibincangkan, kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif berikut :

1. Menenalpasti corak kefungsiian keluarga bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.
2. Menenalpasti corak kualiti kehidupan bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.
3. Melihat perbezaan kefungsiian keluarga berdasarkan tempat tinggal, bilangan adik-beradik serta pendapatan keluarga.
4. Melihat hubungan di antara kepuasan hidup dengan kemurungan.
5. Melihat hubungan di antara kefungsiian keluarga dengan kualiti kehidupan.

1.4 Kesignifikanan Kajian

Selain belia, remaja adalah merupakan aset negara yang penting bagi menerajui negara pada masa akan datang. Bagi remaja yang terlibat dengan perlakuan salahlaku, keadaan ini tidak membuatkan pihak-pihak tertentu hanya berdiam diri sahaja. Namun sebaliknya usaha memperbaiki dan memulihkan remaja delinkuen ini terus dilakukan. Dalam menjayakan usaha ini, kesemuanya bertitik tolak daripada punca permasalahan yang





memungkinkan berlakunya salahlaku ini kerana melalui usaha menangani dan seterusnya mengurangkan dapat dilaksanakan secara lebih efisien. Ini sudah pasti memerlukan input bagi mengetahui apakah faktor-faktor yang menjadi penyumbang ke arahanya.

Olahan daripada hasil penemuan kajian ini juga dapat membantu dalam membuat identifikasi keluarga yang berisiko secara awal. Secara tidak langsung, pelaksanaan pencegahan dapat dilakukan dengan penumpuan diberikan kepada seluruh unit keluarga. Ini merangkumi bengkel kemahiran keibubapaan, program mempertingkatkan komunikasi positif dan berkesan, program penyesuaian untuk berhadapan dengan anak remaja dan sebagainya yang mana kesemuanya dapat membawa ke arah keluarga yang berfungsi sewajarnya.

Rentetan daripada maklumat yang dikumpul, pihak institusi, organisasi dan unit yang terlibat dapat mengambil pendekatan yang sesuai. Implementasi dari segi penstrukturan semula kefungsi dalam sesebuah keluarga ataupun pengluasan jaringan tenaga kerja yang signifikan dengan digabungjalinkan bersama kualiti kehidupan remaja dapat dilaksanakan berikutan pendedahan yang dilakukan.

Selain itu, diharapkan juga dapatan penemuan dapat memberi rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji yang berminat menjalankan kajian yang lebih mendalam ke atas kefungsi keluarga dan kualiti kehidupan bagi remaja khususnya remaja yang terlibat dengan salahlaku delinkuen.

1.5 Definisi Konsep

Bahagian ini akan membincangkan tentang pengertian konsep bagi beberapa jenis pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini. Perbincangan di sini merujuk kepada definisi konsep mengikut pandangan khusus dari pengkaji-pengkaji luar yang lain serta



definisi operasi dan cara pengukuran pembolehkan kajian berdasarkan pandangan umum daripada pengkaji sendiri.

1.5.1 Keluarga

Menurut Wright dan Wright (1994), keluarga adalah merupakan unit sosial yang paling asas bagi manusia. Goode, (1991) mentafsirkan keluarga sebagai satu-satunya institusi sosial selain agama berkembang secara formal dalam semua masyarakat. Ia merupakan agensi sosial yang khusus yang menentukan kelakuan dan aktiviti sosial yang beraneka jenis. Azaman (2000) menyatakan bahawa keluarga adalah sebuah institusi yang terawal dalam proses mencorakkan pembentukan pembelajaran kanak-kanak sebelum mereka didedahkan kepada persekitaran masyarakat di luar keluarganya.

Sebuah keluarga adalah sebuah sistem sosial sejadi yang mempunyai ciri-ciri tertentu, membentuk satu set peraturan-peraturan tertentu, peranan, struktur masa, bentuk komunikasi dan cara perbincangan tertentu di dalam penyelesaian masalah yang membolehkan pelbagai tugas dijalankan secara berkesan (Goldernberg dan Goldenberg, 2002 dalam Saedah, 2004). Watzlawick et al. (1967) dalam Clark dan Shields (1997) mendefinisikan keluarga sebagai satu sistem yang berlandaskan peraturan yang mana setiap ahli keluarga secara berterusan mendefinisikan semula bentuk perhubungan mereka melalui pelbagai corak komunikasi.

Ahli keluarga saling bergantung di antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan fisiologi dan juga psikologi (Lumsden dan Lumsden, 2003). Semua komponen yang membentuk sistem keluarga bertindak saling bergantung antara satu sama lain. Keadaan ini menggambarkan bahawa apabila berlaku sebarang perubahan dalam satu bahagian sistem, ia biasanya akan diikuti dengan perubahan dalam bahagian lain dalam sistem itu. Sekiranya kita tidak peka dalam mengenalpasti bahawa tingkahlaku seseorang individu itu mempunyai perkaitan dengan fungsi tingkahlaku seseorang individu lain ia

akan menyebabkan berlakunya ketidakfungsian sesuatu sistem keluarga itu (Robi'atun Nur, 2002).

1.5.2 Kefungsian Keluarga

Keluarga yang berfungsi atau kefungsian keluarga boleh dirujuk sebagai suatu unit yang intim dan mesra, saling berhubungan dan bergantung antara satu sama lain di mana setiap ahlinya berkongsi sama nilai-nilai, matlamat, sumber, bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil dan menunjukkan komitmen antara satu sama lain merentasi masa (Nor Azri, 2002). Menurut Kazarian (2005), kefungsian keluarga merujuk kepada satu set sifat-sifat asas tentang sistem keluarga yang boleh dilihat dalam dua bentuk iaitu sebagai keluarga yang sihat atau sebaliknya.

Ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan, menikmati masa bersama, berterus-terang dan mengekalkan sempadan konvensional antara satu sama lain adalah antara ciri yang menggambarkan bahawa kefungsian keluarga berada pada tahap yang optimal. Manakala bagi keluarga yang tidak berfungsi pula, ahli keluarga senantiasanya memanipulasi orang lain, membenarkan tingkahlaku destruktif dan *codependency*. Mereka masih berada dalam suatu keluarga atas alasan ianya adalah keluarga (Lumsden dan Lumsden, 2003). Bagi Berko et al. (1997), keluarga yang berfungsi adalah keluarga yang mencipta satu persekitaran yang bersesuaian bagi interaksi yang bersifat suportif dan prihatin, menggalakkan komunikasi yang terbuka dan membenarkan anak-anak membesar dan mencapai kebebasan. Aspek kehidupan keluarga yang menentukan sama ada sesebuah keluarga itu berfungsi atau tidak ialah kejelekitan keluarga, kebolehubahsuaian keluarga dan bagaimana keluarga menangani konflik yang dihadapi.

Anak-anak yang belajar tentang bagaimana keluarga menggunakan kuasa paksaan (*coercive power*) semasa berinteraksi besar kemungkinan akan menjadi seorang yang antisosial dan menggunakan teknik yang sama ketika berinteraksi dengan orang luar dari lingkungan keluarga (Ge et al., 1996). Sumber-sumber keluarga (ekonomi, sosialisasi,



afek identiti dan perkembangan personal ahli keluarga) adalah merupakan input-input yang dinamik terhadap sistem keluarga yang menerangkan bagaimana sesebuah keluarga berfungsi (Anderson, 2002).

Selaras dengan itu Thomlison (2002) menyatakan, keluarga berfungsi pada pelbagai peringkat dan keperluan bermula dari perkara yang asas kepada sesuatu yang kompleks meliputi dari keperluan fizikal sehinggalah kepada keperluan sebenar individu. Ia berperanan dalam status sosio ekonomi, pegangan agama dan juga pekerjaan.

1.5.3 Kualiti Kehidupan

Kualiti kehidupan boleh dicirikan dengan pelbagai dimensi yang merangkumi pelbagai aspek samada berbentuk subjektif mahupun objektif (Zank dan Leipold, 2001). Lehman (1983) menyatakan kualiti kehidupan adalah merujuk kepada makna kesejahteraan dan kepuasan yang dialami oleh individu dalam konteks kehidupan semasa mereka.



Bowling (1991) dalam Chan (2000) mendefinisikan 'kualiti kehidupan' sebagai satu tahap 'kebaikan' yang merangkumi segala peringkat kehidupan seperti kefungisian peranan, tahap dan keberkesanan interaksi sosial dan komuniti, kesejahteraan psikologikal dan kepuasan hidup. Kualiti kehidupan seseorang bukan sahaja ditentukan berdasarkan faktor sosio ekonomi bahkan juga disebabkan oleh latarbelakang sosio budaya (Chan, 2000).

Dalam konteks kajian ini, kualiti kehidupan diukur dari dua kontinum iaitu merujuk kepada kepuasan hidup bagi kualiti kehidupan yang baik manakala kemurungan bagi kualiti kehidupan yang sebaliknya.

Heller et al. (2004) menyatakan bahawa kepuasan hidup adalah menggambarkan satu penilaian dan pentaksiran kognitif secara umum terhadap kepuasan seseorang dengan hidupnya. Ia boleh dilihat sebagai ringkasan penilaian seseorang terhadap apa yang



disukai dan tidak disukainya. Manakala Beck (1967,1976) dalam Iran dan Asmah Bee (1993) melihat kemurungan adalah disebabkan oleh individu yang membentuk set atau skema kognitif yang negatif terhadap dirinya. Ini menyebabkan individu mudah mengalami kemurungan apabila berlakunya keadaan tertekan atau mengalami kehilangan.

Dalam memahami kemurungan, merujuk kepada sorotan empirikal dan juga aspek teori didapati bahawa kemurungan yang dialami oleh remaja bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor-faktor intrapersonal (seperti biologi, personaliti dan kemahiran daya tindak), tetapi ia juga dicirikan oleh hubungan interpersonal seseorang individu (Cumsille dan Epstein, 1994). Iran dan Asmah Bee (1993) menyatakan kemurungan bukanlah satu fenomena yang baru, tetapi ia telah lama wujud sebagai salah satu masalah psikologi kepada sesiapa sahaja tanpa mengenal peringkat usia samada kanak-kanak atau dewasa. Berabad-abad yang lalu, kemurungan dianggap sebagai suatu penyakit *melancholic* dan telah dibicarakan di dalam rekod-rekod peradaban manusia.

Wright (1991) dalam Mok (2002) menyatakan bahawa kemurungan sebagai 'penyakit pelik dalam fikiran'. Ia muncul samada sesuatu krisis itu wujud atau tidak. Kemurungan tidak memilih kasih, ia akan menimpa sesiapa sahaja baik sama ada remaja yang berumur 16 tahun mahupun oarang tua yang berusia 70 tahun, orang kaya atau orang miskin, tidak kira dari segi umur, bangsa, status sosial dan agama. Beck (1967,1976) dalam Iran dan Asmah bee (1993) melihat kemurungan disebabkan oleh individu yang membentuk set atau skema kognitif yang negatif terhadap dirinya. Ini menyebabkan individu mudah mengalami kemurungan apabila berlakunya keadaan tertekan atau mengalami kehilangan. Terdapat tiga faktor yang menyebabkan individu mengalami kemurungan iaitu penyalahan diri, kasihan diri dan rasa kasihan kepada pihak lain.

1.5.4 Remaja

Remaja dalam bahasa Inggeris adalah *adolescence* iaitu berasal dari perkataan Latin yang bermaksud "membesar" atau "membesar menjadi matang" (Rogers, 1985). Ini bermakna

zaman remaja itu suatu proses dan bukannya satu jangkamasa. Proses yang dimaksudkan di sini ialah proses mencapai atau memperoleh sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Ia boleh didefinisikan sebagai suatu pergerakan (Jas Laile Suzana, 2002).

Muss (1969) dalam Marzuki (2001) mendefinisikan remaja dari tiga sudut pandangan iaitu dari sudut sosiologi, psikologi dan kronologi. Dari sudut psikologi, remaja adalah satu zaman peralihan daripada akanak-kanak yang bergantung sepenuhnya kepada peringkat kedewasaan dengan hidup berdikari. Manakala dari sudut psikologi, remaja adalah individu yang cuba mencari penyesuaian untuk menukar segala sifat kanak-kanak kepada sifat dewasa dan dari sudut kronologi pula, waktu remaja adalah merupakan jarak masa antara umur 12 atau 13 tahun kepada awal 20-an kepada semua individu dalam pelbagai budaya.

Shertzer dan Stone (1981) pula menyatakan secara puratanya usia remaja berlanjutan dari 13 tahun hingga 18 tahun bagi anak perempuan dan 14 tahun hingga 18 tahun bagi anak lelaki. Beliau juga membahagikan zaman remaja kepada remaja awal dan akhir. Bagi anak perempuan, umur 13 tahun hingga 17 tahun merupakan dalam peringkat usia di awal remaja. Manakala bagi lewat remaja termasuklah lelaki dan perempuan yang berumur 17 dan 18 tahun. Merujuk kepada Asmah Bee dan Iran (1995), mengikut tafsiran ahli psikologi, zaman ramaja merupakan satu fasa perkembangan hidup manusia daripada peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa. Di zaman ini remaja mengalami perubahan dan kematangan fizikal dan fisiologi, mental, emosi dan perasaan, sosial, personaliti dan kejiwaan.

Jas Laile Suzana (2002) menyatakan bahawa zaman remaja dilihat sebagai satu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu zaman peralihan atau transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Terdapat juga ahli psikologi lain yang mendefinisikan remaja sebagai suatu tempoh perkembangan fizikal, satu konsep yang abstrak, satu fenomena sosiobudaya atau berdasarkan sikap remaja terhadap hidup.

Remaja adalah merupakan zaman yang melalui pelbagai perubahan, berhadapan dengan tugas yang mencabar dan dibelenggu dengan pelbagai persoalan dan kekeliruan tentang masa depan (Peterson et al., 1991 dalam Pearce, et al. 2003). Bagi Kurt Lewin (1951) dalam Asmah bee dan Iran (1995), beliau merasakan remaja yang berada tahap transisi daripada kanak-kanak kepada dewasa pastinya menghadapi masalah dan cabaran. Mereka berada dalam gelora dan ketegangan disebabkan oleh perkembangan dan kematangan yang mereka lalui dalam aspek dan juga hasil daripada perubahan jangkaan, harapan serta desakan masyarakat terhadap mereka. Ibu bapa, masyarakat dan juga negara mengharapkan sesuatu daripada golongan remaja.

Dalam konteks kajian, remaja yang difokuskan adalah remaja perempuan yang berumur lapan belas tahun ke bawah. Spesifikasi ditumpukan kepada remaja perempuan yang pernah terlibat dengan salahlaku delinkuen.

1.5.5 Delinkuen

Dalam membincangkan tingkahlaku juvana yang bermasalah ini, terdapat beberapa definisi yang mencirikan delinkuen. Menurut Dryfoos (1990), delinkuen didefinisikan sebagai apa sahaja perlakuan yang boleh membawa kepada tingkahlaku jenayah yang serius. Namun dalam kebanyakan kajian ia didefinisikan sebagai hubungan remaja dengan sistem mahkamah (Kadzin, 1995).

William et al. (1997) mendefinisikan juvana delinkuen sebagai perlakuan yang tidak sah dari sisi undang-undang yang dilakukan oleh individu bawah umur, termasuklah perlakuan yang mana jika dilakukan oleh mereka yang berumur 18 tahun ke atas dianggap yang turut dianggap tidak sah (dalam MacNeil et al., 2000). Asmah Bee (1994) menyatakan bahawa, pada umumnya ahli psikologi perkembangan mendefinisikan delinkuen sebagai tingkahlaku yang menyeleweng dari norma dan nilai-nilai sosial yang dilakukan oleh kanak-kanak atau remaja yang boleh mengancam dirinya dan masa depan masyarakat sekeliling.



Curran dan Cook (1993) menyatakan kekurangan pendidikan dalam keluarga boleh membawa berlakunya tingkahlaku delinkuen. Didapati tiga sebab utama yang membawa kepada berlakunya kekurangan pendidikan dalam keluarga ialah a) ibubapa remaja delinkuen mempunyai struktur budaya yang lemah yang menyebabkan berlakunya pengaruh sosial kepada anak-anak, b) pendidikan yang diberikan melalui cara dan kaedah yang salah dan ini memberi kesan yang negatif kepada anak-anak dan c) keluarga tidak mempunyai struktur keluarga yang lengkap dan menyebabkan kefungsian yang dimainkan tidak dapat dijayakan sebaiknya seperti penceraihan dan kemiskinan.

Berbanding negara perindustrian lain yang sedang pesat membangun, Asia secara umumnya mengalami peningkatan kadar delinkuensi secara sederhana. Anjakan perubahan ekonomi kepada masyarakat memberikan impak kepada peningkatan kadar jenayah remaja. Sebagai contoh apa yang berlaku di Jepun yang boleh dilihat sebagai bangsa perindustrian yang maju, mengalami tiga gelombang jenayah delinkuen sejak Perang Dunia Ke-2. Keadaan memuncak peningkatan jenayah delinkuen berlaku selepas perang, keduanya pada pertengahan tahun 1960an di mana ramai remaja dan belia luar bandar berhijrah dari luar bandar untuk mendapatkan pekerjaan dan (Curran dan Cook, 1993).

Spergel (1966) dalam Sullivan dan Wilson (1995) menyatakan bahawa faktor penyebab berlakunya delinkuen adalah disebabkan oleh ego yang lemah yang terhasil daripada perhubungan keluarga yang tidak efektif atau bersifat destruktif. Kesannya mereka tidak lagi mempercayai dan membina satu perhubungan yang produktif dengan orang dewasa kerana mengalami konflik peribadi, penghargaan sendiri yang rendah dan tahap kebimbangan yang tinggi. "Tingkahlaku delinkuen atau pradelinkuen lazimnya dilihat sebagai suatu yang neurotik, iaitu pertahan ego untuk membalasnya semula terhadap masyarakat (sama ada orang dewasa atau rakan sebaya) di atas kegagalan personal. Perspektif ini berbalik semula kepada keluarga dalam memberikan penjelasan berkaitan dengan konflik yang berlaku. Merujuk kepada Quay (1987), berdasarkan prinsip teori sosialisasi, ia menekankan peranan keluarga untuk membantu anak-anak menyesuaikan diri dengan tuntutan dan peluang di persekitaran sosial mereka. Jika



sekiranya sosialisasi ini tidak berlaku secukupnya dalam keluarga maka ia akan menghasilkan masalah delinkuen (dalam Sullivan dan Wilson, 1995).

1.6 Tinjauan Kajian-kajian Lepas

Bahagian ini berkisar tentang tinjauan kajian-kajian lepas terutamanya kajian yang berkaitan dengan kefungsian keluarga dan tingkahlaku delinkuen. Tidak kurang juga tinjauan kajian lepas mengenai kualiti kehidupan merangkumi kepuasan hidup dan juga kemurungan yang menjadi isi pokok dalam rekabentuk kajian ini. Bagi memaparkan gambaran kajian secara lebih jelas, tinjauan kajian di dalam bahagian ini merangkumi kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji luar negara.

1.6.1 Kajian Tempatan

Aw (1995) yang menjalankan satu kajian ke atas 240 orang subjek yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 2 dan 3 untuk melihat hubungan di antara komunikasi ibubapa remaja mempengaruhi penghargaan sendiri seseorang individu itu. Subjek yang dipilih adalah di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai kedua-dua ibubapa serta tinggal bersama mereka. Keputusan kajian tersebut memperlihatkan terdapat hubungan kefungsian kekeluargaan di antara komunikasi ibubapa dengan seseorang anak itu.

Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Lam dan Muhammad (1991) yang telah menjalankan kajian ke atas 115 orang pelajar yang berumur antara 13 hingga 14 tahun mendapati bahawa kefungsian keluarga adalah berhubung secara signifikan dengan pembentukan personaliti seseorang remaja. Dimensi kawalan kefungsian kekeluargaan yang melampau memberi kesan yang negatif terhadap pembentukan personaliti seseorang remaja itu.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Soon (1998) tentang pengaruh kerapatan dalam hubungan remaja dengan ibubapanya terhadap kefungsian keluarga, seramai 200 orang pelajar tingkatan enam, di Pulau Pinang telah terlibat. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin erat perhubungan remaja dengan ibubapa mereka maka semakin meningkat kefungsian kekeluargaan kendirinya. Faktor keamatan hubungan juga memberi kesan kepada kecekapan bersosial di kalangan remaja.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Azri (2002) adalah bertujuan untuk melihat peranan kefungsian keluarga dan hubungannya dengan kebahagiaan rumah tangga serta kesannya ke atas tingkahlaku sosial remaja. Kajian berbentuk literasi perpustakaan ini turut melihat beberapa aspek pendekatan model. Menerusi pendekatan Model 4-R Keluarga Dinamik, penjelasan yang diperolehi adalah setiap keluarga akan berfungsi dengan sempurna jika memenuhi keempat-empat peranan ini iaitu dari segi peraturan, peranan, perhubungan dan ritual dalam keluarga. Bagi pendekatan Model Circumplex pula, ia merumuskan bahawa keluarga yang mempunyai darjah kohesi yang tinggi adalah sinonim dengan keluarga yang berfungsi baik dan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan dari persekitarannya. Hasil dapatan rujukan yang dijalankan oleh pengkaji didapati bahawa keluarga yang berfungsi dengan baik akan membawa kebahagiaan rumah tangga dan akhirnya akan membentuk pola tingkahlaku sosial remaja mengikut acuan keluarga berkenaan.

Robi'atun Nur (2002) telah mengkaji corak layanan ibubapa dan konsep sendiri terhadap 44 orang remaja bermasalah tingkahlaku devian di Sekolah Tunas Bakti, Taiping. Didapati, keputusan kajian menunjukkan tiada perhubungan yang signifikan wujud di antara corak layanan ibubapa dengan konsep sendiri remaja. Ini bermakna bentuk layanan yang diberikan oleh ibubapa remaja yang mempunyai masalah tingkahlaku tidak memberi kesan atau mempengaruhi pembentukan konsep sendiri yang baik. Selain itu, dapatan kajian beliau juga mendapati interaksi ibubapa dengan anak remaja dan hubungan kawalan ibubapa tidak membawa sebarang pengaruh terhadap konsep sendiri remaja bermasalah. Dalam kajian ini beliau mengesahkan bahawa kurangnya perhubungan di antara ibubapa dengan anak menyebabkan remaja



bertingka laku devian. Ini mengakibatkan anak merasa tidak diperlukan (perasaan penolakan) dan lebih gemar meminggirkan diri dan mencari jalan lain meluahkan perasaan dan dapatkan perhatian.

Mumtaj Begum (2003) telah menjalankan satu kajian untuk meninjau dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kemurungan dan penghargaan sendiri di kalangan remaja yang melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran. Seramai 120 orang remaja yang masih menjalani pemulihan di dua buah institusi akhlak iaitu Taman Sri Putri Rembau dan Taman Sri Putri Batu Gajah terlibat sebagai subjek kajian. Hasil kajian mendapati faktor melarikan diri berhubung secara signifikan dengan kemurungan dan penghargaan sendiri tetapi tidak bagi faktor status ibubapa. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perkaitan antara kemurungan dan penghargaan sendiri di kalangan subjek.

Aini Asirah (2004) dalam kajiannya yang menyentuh aspek kefungsiian keluarga dan pembentukan personaliti telah menjalankan kajian ke atas 100 orang pelatih di Pemulihan Rakan Sebaya Daya Juang Abadi (PERSADA), Sungai Besi. Hasil keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kefungsiian keluarga dengan pembentukan personaliti ekstrovert, namun tiada hubungan yang signifikan bagi personaliti neurotik dan psikotik. Begitu juga dengan tiga aspek faktor demografik yang dikaji iaitu asal, penyakit kronik dan cara kemasukan, masing-masing tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam konteks kefungsiian keluarga.

Iran dan Asmah Bee (1993) telah menjalankan kajian ke atas seramai 679 orang pelajar lelaki dan 799 orang pelajar perempuan di lima buah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Kajian yang meninjau simptom dan darjah kemurungan ini turut serta cuba melihat pola hubungan kemurungan dengan beberapa pembolehubah terpilih. Keputusan kajian menunjukkan 44 peratus pelajar dapat dikategorikan sebagai mengalami darjah kemurungan yang tinggi. Selain itu didapati pelajar perempuan mempunyai darjah kemurungan yang lebih tinggi sedikit berbanding pelajar lelaki tetapi perbezaannya secara statistik tidak signifikan. Berkaitan dengan simptom kemurungan, antara simptom yang





ketara tidak kira pelajar lelaki atau perempuan adalah kebimbangan, kurang keyakinan diri, kurang keupayaan, sukar untuk membuat keputusan, rasa tidak seronok dan kesunyian. Melalui analisis regresi pelbagai, hasil kajian menunjukkan penghargaan sendiri merupakan pembolehubah yang amat ketara menyumbang sebanyak 34.1% varians. Gabungan pembolehubah penghargaan sendiri, motivasi pencapaian, peristiwa hidup, kegiatan ko-kurikulum dan prestasi akademik menyumbangkan sebanyak 36.6% varians terhadap kemurungan.

Mok (2002) telah menjalankan satu kajian yang menyentuh aspek idea membunuh diri, kemurungan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian yang dijalankan dalam melihat hubungan antara ketiga-tiga dimensi tersebut telah dilakukan ke atas seramai 45 orang subjek (25 orang adalah merupakan pesakit psikiatrik dari Jabatan Psikiatrik, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan 30 orang lagi adalah terdiri daripada golongan pelajar universiti awam tempatan). Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan di antara darjah kemurungan dengan idea membunuh diri di kalangan pesakit psikiatrik. Manakala bagi subjek yang terdiri daripada pelajar universiti, hubungan signifikan yang diperolehi adalah di antara kemahiran penyelesaian masalah dengan kemurungan.

1.6.2 Kajian Luar Negara

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Gorman-Smith et al. (1996) ke atas seramai 362 remaja yang berketurunan Afrika Amerika dan Latin, kajian dilakukan untuk melihat perhubungan di antara pengaruh keluarga dengan penglibatan remaja dalam tingkahlaku delinkuen yang disifatkan ganas dan tidak ganas. Pembahagian sampel dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan yang tidak terlibat dengan masalah delinkuen, terlibat dengan masalah delinkuen secara ganas dan terlibat dengan delinkuen secara tidak ganas. Didapati, keluarga remaja delinkuen yang dikategorikan sebagai ganas menunjukkan tahap disiplin keluarga yang lemah, kurang kejelekitan serta kurang penglibatan antara ahli keluarga berbanding dua kumpulan yang lain.





Kajian yang dijalankan oleh Engels et al. (2005) adalah bertujuan untuk melihat kesan jangka panjang kefungsiian keluarga dan ciri anak terhadap masalah minum arak di kalangan remaja. Melibatkan seramai 301 orang sampel, hasil kajian mendapati bahawa kurang kawalan dari ibubapa dan kurang ekspresi perasaan adalah berkait dengan masalah minum di kalangan dewasa awal wanita.

Huey et al. (2000) telah menjalankan kajian ke atas 155 orang pesalah juvana bagi melihat pengaruh kefungsiian keluarga terhadap tingkahlaku delinkuen. Keputusan kajian menunjukkan perhubungan kekeluargaan seperti kualiti kefungsiian keluarga, kejelekitan keluarga dan pemantauan ibubapa dapat dijadikan sebagai peramal kurangnya tingkahlaku delinkuen di kalangan subjek, malah ia turut meramal kurangnya pengaruh rakan sebaya yang terlibat dengan delinkuen.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Clark dan Shields (1997) berkaitan dengan komunikasi keluarga dan masalah tingkahlaku delinkuen, seramai 339 orang pelajar pelajar luar bandar Midweatern telah terlibat. Keputusan kajian menunjukkan bahawa komunikasi yang positif bagi meningkatkan kefungsiian keluarga secara optimum memberikan implikasi penting terhadap tingkahlaku delinkuen. Selari dengan hipotesis yang dibentuk, komunikasi yang 'sihat' mempunyai perkaitan secara signifikan dengan bentuk tingkahlaku yang kurang serius dan juga rendah kadar berlakunya delinkuen.

Kajian yang telah dijalankan oleh Bischof et al. (1995) adalah bertujuan untuk membandingkan tanggapan persekitaran keluarga pesalah remaja yang terlibat dengan seksual berdasarkan tiga kumpulan iaitu remaja yang terlibat dengan delinkuen yang ganas, remaja yang terlibat dengan delinkuen tidak ganas serta remaja normal yang tidak terlibat dengan delinkuen. Keputusan kajian menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan antara remaja normal dengan remaja delinkuen berdasarkan enam daripada sepuluh subskala persekitaran keluarga yang dikaji. Enam persekitaran keluarga tersebut adalah merangkumi kejelekitan, pengagihan peranan, ketidakbergantungan, orientasi intelek-budaya, orientasi berehat secara aktif serta kawalan. Walau bagaimanapun, bagi subskala





konflik, orientasi pencapaian, penekanan agama-moral dan organisasi, tiada perbezaan yang wujud secara signifikan.

Smith dan Monastersky (1987) dalam Bischof et al. (1995) telah menjalankan kajian untuk melihat persepsi remaja terhadap sistem keluarga. Seramai 66 orang remaja salah laku seksual yang menerima rawatan luar program yang mana kebanyakannya terlibat dalam salah laku kurang agresif, berserta ibu ($n = 71$) dan bapa ($n = 51$) orang terlibat dalam kajian. Mereka mendapati bahawa berbanding dengan populasi biasa, keluarga remaja yang terlibat dengan salahlaku seksual lebih mempunyai ciri yang rigid ketika bertindakbalas dengan perubahan (iaitu kurang kebolehubaksanaan) dan tidak melibatkan emosi (iaitu kurang kejelekitan). Berdasarkan kajian mereka, tahap di mana berlakunya keganasan pesalah adalah berkait dengan sistem keluarga, iaitu semakin sesebuah keluarga bersifat rigid dan terlerai (disengaged) (yang merujuk kepada persepsi ibu bapa), maka semakin meningkat perlakuan keganasan anak-anak.

Bischof et al. (1995) telah menjalankan kajian untuk melihat perbandingan dari konteks mana sistem keluarga antara remaja normal dan remaja delinkuen berbeza ($N = 105$). Terdapat tiga kelompok remaja dikaji iaitu remaja normal, remaja yang terlibat dengan salahlaku seksual dan remaja yang terlibat dengan tingkahlaku delinkuen yang lain. Pemfokusan kajian tentang sistem keluarga dijuruskan dengan persepsi remaja terhadap kebolehubaksanaan dan kejelekitan keluarga mereka. Dapatan analisis melaporkan bahawa keluarga remaja yang terlibat dengan salahlaku seksual dicirikan mempunyai kejelekitan keluarga yang baik berbanding dengan keluarga remaja yang terlibat dengan tingkahlaku delinkuen yang lain, akan tetapi remaja salahlaku seksual menanggap keluarga mereka kurang kejelekitan berbanding dengan tanggapan remaja normal terhadap keluarga. Dari konteks kebolehubaksanaan keluarga, tiada perbezaan yang signifikan diperolehi antara kumpulan remaja yang dikaji. Oleh itu, kajian melaporkan bahawa sewaktu remaja salahlaku seksual menanggap keluarga mereka lebih memberikan pertolongan dan memberi sokongan berbanding dengan remaja yang terbabit dengan tingkahlaku delinkuen yang lain, mereka melihat keluarga mereka kurang menghulurkan bantuan dan sokongan jika dibandingkan dengan remaja yang normal.



Kajian yang dijalankan oleh LeFlore (1988) juga menyentuh aspek tanggapan remaja terhadap keluarga. Kajian yang melibatkan seramai 68 orang remaja delinkuen dan 130 orang remaja yang tidak terlibat dengan delinkuen mendapati bahawa remaja delinkuen mempersepsikan keluarga mereka kurang kejelekitan, kurang pengluhan perasaan serta kurang berorientasikan rekreasi secara aktif berbanding kumpulan remaja yang tidak terlibat dengan delinkuen. Purata umur remaja delinkuen adalah 15.4 tahun dan mereka adalah terdiri daripada pesalah yang melakukan kesalahan yang berat dan berulang kali serta berasal dari keluarga yang mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah hingga pertengahan rendah.

Kierkus dan Baer (2002) telah menjalankan satu kajian ke atas 1891 orang pelajar sekolah. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk memastikan sama ada komponen pertautan ibubapa yang terkandung dalam teori kawalan sosial dapat menjelaskan mengapa struktur keluarga dikaitkan dengan masalah delinkuen. Keputusan kajian menunjukkan struktur keluarga berperanan sebagai peramal yang signifikan kepada tingkahlaku delinkuen dengan pengawalan faktor umur, jantina dan status sosioekonomi. Merujuk kepada persamaan regresi yang dianalisis, magnitud perkaitan antara struktur keluarga dan masalah delinkuen didapati menurun. Dapatan ini menyokong penjelasan teori kawalan sosial berkait dengan komponen pertautan ibubapa tentang mengapa sesetengah struktur keluarga berkait dengan delinkuen.

Chan (2000) dalam kajiannya telah menyentuh aspek kepuasan hidup di kalangan wanita China yang berhijrah di Manchester, United Kingdom. Melalui pemilihan sampel secara rawak bertujuan, seramai 30 orang subjek terpilih dan data diperolehi daripada temubual dan laporan sendiri daripada subjek. Hasil analisis menunjukkan bahawa kualiti kehidupan yang dimiliki oleh wanita berbangsa Cina adalah rendah dan ia berkait secara langsung dengan kesan buruk penghijrahan. Antara faktor yang dikenalpasti menyumbang ke arah kualiti kehidupan yang rendah adalah perhubungan keluarga yang tidak bahagia, suami yang suka berjudi dan bertindak ganas, kemiskinan, kurang menerima sokongan sosial dan juga masalah bahasa.



Heru et al. (2004) telah menjalankan satu kajian untuk mengkaji kualiti kehidupan dan kefungsian keluarga di kalangan penjaga pesakit yang mengalami kecelaruan mood. Keputusan mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan di antara persepsi subjek tentang kefungsian keluarga dengan beberapa aspek kualiti kehidupan. Kefungsian keluarga yang lemah berkait dengan peningkatan bebanan yang dialami oleh subjek serta kurangnya tanggapan terhadap ganjaran yang diterima. Secara keseluruhannya, kualiti kehidupan yang rendah berhubung secara signifikan dengan kefungsian keluarga yang lemah.

Chiles et al. (1980) yang telah menjalankan kajian ke atas seramai 120 orang remaja yang terlibat dengan delinkuen. Hasil daripada penggunaan instrumen *Beck Depression Inventory* dan *Hamilton Rating Scale for Depression*, keputusan kajian melaporkan bahawa 23% daripada sampel adalah berada dalam kategori kecelaruan afek iaitu kemurungan. Dapatan yang menarik dalam kajian ini menunjukkan bahawa remaja delinkuen yang mengalami kemurungan melibatkan diri dengan aktiviti yang merbahaya, menyeronokkan dan salah di sisi undang-undang untuk meringankan beban kemurungan yang dialami oleh mereka. Keputusan ini adalah berlawanan dengan remaja delinkuen yang tidak mengalami kemurungan.

Kajian yang telah dilakukan oleh Cumsille dan Eptein (1994) yang mengkaji tentang kejelekitan keluarga, kebolehubahsuaian keluarga, sokongan sosial dan simptom kemurungan remaja telah dijalankan ke atas 95 buah keluarga yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 19 tahun. Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan di antara simptom kemurungan yang dialami oleh remaja dengan struktur keluarga dan juga kefungsian keluarga yang merangkumi aspek kejelekitan, kepuasan dan kebolehubahsuaian keluarga. Kajian juga menunjukkan bahawa peramal yang paling berpengaruh terhadap simptom kemurungan adalah tahap kepuasan remaja terhadap kejelekitan dan kebolehubahsuaian yang terdapat dalam keluarga. Hasil ini seterusnya menekankan kepentingan peningkatan kognitif secara subjektif yang berkaitan antara kefungsian keluarga dengan kemurungan.





Manakala Dekovic (1999) telah menjalankan satu kajian ke atas 508 orang remaja untuk melihat tiga pengaruh utama iaitu sumbangan individu, sumbangan keluarga dan sumbangan komuniti terhadap pembentukan dan perkembangan masalah yang berlaku di kalangan remaja. Tingkahlaku bermasalah ini diklasifikasikan kepada dua iaitu masalah dalaman seperti tekanan, kemurungan dan masalah luaran seperti tingkahlaku ganas dan delinkuen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara ketiga-tiga pengaruh, sumbangan keluarga didapati bertindak sebagai faktor berisiko serta faktor pencegah bagi kedua-dua jenis masalah.

1.7 Kerangka Teori

Di dalam kajian ini, pendekatan teori yang dirujuk adalah meliputi Teori Sistem Keluarga, Teori Psikososial dan juga Teori Kawalan Sosial. Penghuraian ketiga-tiga teori yang dipilih adalah bersandarkan pemilihan tujuan kajian serta skop kajian yang dijalankan oleh pengkaji.



1.7.1 Teori Sistem Keluarga

Ludwig Von Bertalanffy adalah merupakan tokoh yang mengemukakan teori sistem umum pada tahun 1945. Merujuk kepada teori sistem ini, keluarga dilihat sebagai satu struktur yang terdiri daripada subsistem atau bahagian-bahagian yang berkait yang mana setiap bahagian menjalankan fungsi yang tertentu. Bahagian-bahagian ini termasuklah subsistem suami isteri, subsistem ibubapa dengan anak, subsistem ibubapa dan juga subsistem peribadi (Strong et al., 2001). Secara amnya, keluarga adalah merupakan satu sistem interaksi antara satu bahagian dengan bahagian yang lain yang mana kesemuanya saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Memandangkan subsistem-subsistem dalam keluarga merangkumi setiap interaksi ahli keluarga antara satu sama lain, maka setiap bahagian ini perlu menjelaskan lingkaran hubungan masing-masing antara satu sama lain dan ia menjadi perkara penting bagi





membolehkan sesebuah keluarga agar boleh berfungsi dengan baik. Becvar dan Becvar (1993) menyatakan bahawa apabila berlakunya perubahan terhadap salah satu subsistem, maka ia akan memberi kesan perubahan kepada keseluruhan sistem keluarga.

Menurut teori sistem, kecelaruan mental dan masalah emosi yang dialami oleh seseorang individu adalah merupakan hasil daripada bagaimana seseorang individu berfungsi dalam keluarga dan masyarakat dan bukannya terhasil akibat daripada patologi dalaman individu. Penekanan konseptualisasi keluarga tidak hanya terhad dilihat sebagai sebagai sekumpulan atau kolektif individu tetapi difokuskan sebagai satu kumpulan yang saling berinteraksi dalam corak perhubungan timbal balas yang berterusan. Memandangkan sistem kefungsi keluarga dikaitkan dengan masalah yang dialami oleh individu atau keluarga, maka cara terbaik untuk merawatnya adalah dengan mengubah corak interaksi di kalangan ahli keluarga dengan individu signifikan yang lain (Green, 2003).

1.7.2

Teori Psikososial

Erikson (1963) dalam Nik Azis (1998) menjelaskan bahawa pada zaman remaja, seseorang berhadapan dengan satu cabaran krisis iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Kegagalan untuk mengatasi cabaran tersebut boleh membuat remaja mengalami krisis kekeliruan tentang peranan hidup mereka. Dalam zaman revolusi teknologi dan ledakan maklumat, pembentukan identiti diri merupakan satu proses yang kompleks.

Erikson berpendapat pada masa inilah remaja mengalami keliru identiti dan mula memikirkan tentang apakah peranannya dalam masyarakat. Erikson memperkenalkan satu istilah yang dikenali sebagai 'moratorium sosial' yang bermaksud satu tempoh masa antara zaman kanak-kanak dan dewasa kerana seseorang individu bebas menguji sesuatu keadaan dan berusaha mencari identiti dan peranan yang diterima masyarakat. Menurut Erikson, jangkamasa dan darjah seseorang mengalami 'moratorium' adalah berbeza





antara satu sama lain, namun kekeliruan identiti pasti dialami oleh remaja walaupun sedikit dan ia adalah sesuatu yang normal.

Menurut Goldman et al. (1980), dalam Jas Laile Suzana (2002), remaja yang menerima diri dan mempunyai identiti yang positif akan lebih cenderung mempunyai kesihatan mental yang lebih baik. Berdasarkan teori, terdapat remaja yang cuba mengelakkan diri daripada menyelesaikan konflik dengan pelbagai bentuk penahanan diri seperti bersifat keanak-anakan, gemar berkelompok dan tidak boleh bertolak ansur dengan orang lain serta sering bertelagah dengan orang yang berautoriti. Setakat mana remaja tersebut boleh setia dengan amalnya itu akan menentukan keupayaannya untuk menyelesaikan krisis identitinya. Kegagalan untuk mencapai identiti menyebabkan remaja ragu-ragu dengan kebolehan diri, keliru peranan dan semua ini akan membawa akibat psikologi yang lebih teruk pada masa hadapan.

1.7.3 Teori Kawalan Sosial



Merujuk kepada Teori kawalan Sosial, ia mencadangkan bahawa ‘tingkahlaku delinkuen terjadi apabila ikatan seseorang individu dengan masyarakat sosialnya lemah atau terputus’. Ikatan ini mempunyai empat elemen asas iaitu pertautan secara konvensional dengan individu lain, komitmen untuk keakuran dan penyesuaian, penglibatan dalam aktiviti konvensional dan kepercayaan dalam sistem perundangan yang sah.

Gottfredson dan Hirschi (1990) dalam Jas Laile Suzanna (2002) menyatakan teori ini berpendapat bahawa seseorang individu yang tidak mempunyai ikatan yang kuat dalam sesebuah institusi masyarakat seperti keluarga, sekolah atau tempat kerja akan cenderung menjadi devian dan bertingklaku tidak konvensional dalam pelbagai cara. Merujuk Hirschi (1969) dalam Jas Laile Suzana (2002), ini bermakna gugusan pelbagai masalah tingkahlaku mungkin berakar umbi daripada lemahnya perapatan individu tersebut dengan masyarakat. Masalah ini membawa kepada perkembangan sikap tidak konvensional dan seterusnya penyertaan dalam kelompok rakan sebaya yang tidak





konvensional, atau keterlibatan dalam satu atau beberapa masalah tingkahlaku. Kemudiannya terbentuklah satu set rangkaian aktiviti bermasalah yang aktif. Melalui teori ini masalah tingkahlaku dapat difahami bahawa ianya bukan sahaja bergugus malah ia lebih ketara di kalangan remaja yang berasal dari remaja dari kelas sosial yang rendah dan dari kelpok minoriti

Sebagaimana diperkenalkan oleh Hirschi pada tahun 1969, teori kawalan sosial mendakwa bahawa delinkuen adalah wujud secara semulajadi dalam fitrah manusia dan ia tidak memerlukan satu set kondisi angkubah untuk membolehkan berlakunya delinkuen. Individu secara normatifnya terikat dengan beban masyarakat yang konvensional yang menghalang seseorang individu daripada bertindak memenuhi dorongan devian. Namun apabila halangan-halangan tersebut diberikan perhatian, maka masalah delinkuen akan berlaku. Dengan erti kata lain, teori kawalan sosial melihat proses sosialisasi dan komitmen terhadap norma dan nilai konvensional sebagai masalah. Daripada perspektif ini, norma tingkahlaku yang konvensional berkemungkinan tidak di dalam dengan sewajarnya atau berkemungkinan wujudnya konflik atau ketidaketekan pada peraturan atau kawalan sosial (Elliot et al., 1979 dalam Calvert, 2002). Konflik ini terhasil dari pengagihan kuasa yang tidak sama rata dalam mendefinisikan norma yang konvensional yang berkait dengan sosia yang baik (Sullivan dan Wilson, 1995).

1.8 Model Kajian


Model kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah merupakan hasil daripada modifikasi model konseptual yang berkait dengan konstruk kriteria keluarga yang membawa kepada tingkahlaku delinkuen. Model ini telah diperkenalkan oleh Sullivan dan Wilson (1995). Model ini menerangkan empat angkubah utama iaitu struktur keluarga, kriteria individu, proses keluarga serta tingkahlaku delinkuen.

Dari segi struktur keluarga, antara aspek faktor demografik yang terkandung adalah seperti saiz keluarga, pendapatan, komposisi keibubapaan dan status perkahwinan.



Manakala bagi proses keluarga pula, ia terdiri dari elemen seperti afek ibubapa, konflik keluarga, tahap pemantauan, gaya disiplin serta pengaruh devian ibubapa.

Ciri-ciri dalam model kriteria keluarga yang dikemukakan oleh Sullivan dan Wilson ini saling berhubungan di antara satu sama lain. Melalui Rajah 1.1, hubungan kait antara angkubah dapat diperjelaskan.




RAJAH 1.1 : Ringkasan Model Konseptual Berkait Dengan Konstruk Kriteria

Keluarga Yang Membawa Kepada Tingkahtaku Delinkuen

Sumber : Sullivan, R. & Wilson, M. F. (1995) New Direction for Research in Prevention and Treatment of Delinquency: A Review and Proposal. *Adolescence*. 30, 117.



RAJAH 1.2 : Kerangka Model Pengkaji



Dengan merujuk kepada Model Kriteria Keluarga yang dikemukakan oleh Sullivan dan Wilson, pengkaji telah mengubahsuainya semula supaya selaras dengan objektif kajian yang dijalankan. Berdasarkan Rajah 1.2, pembolehubah kualiti kehidupan dimasukkan bagi menunjukkan hubungkait pembolehubah tersebut dengan kefungsiian keluarga yang mana dicirikan dalam model rujukan sebagai proses keluarga. Di dalam kajian ini, skop kajian lebih dispesifikasikan dan model rujukan menunjukkan faktor demografi turut mempengaruhi kefungsiian keluarga. Dalam kajian ini, hanya tiga pengaruh faktor demografi dikaji iaitu tempat tinggal, bilangan adik-beradik dan juga pendapatan bulanan keluarga.





1.9 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, beberapa hipotesis yang berkaitan telah dibina oleh pengkaji bagi menjawab persoalan utama kajian. Skop kajian diperluaskan kepada tiga domain yang terkandung dalam pembolehubah kefungsiian keluarga iaitu merangkumi domain perapatan, domain konflik dan domain gaya keibubapaan.

Pengujian hipotesis dalam kajian turut melihat pengaruh faktor demografik ke atas kefungsiian keluarga. Menurut Greene (1993), kanak-kanak, remaja serta ibubapa dan penjaga yang membesar di kawasan bandar Amerika dalam keadaan yang miskin terdedah dengan pelbagai jenayah dan keganasan. Tindak balas mereka adalah berbeza-beza. Namun dalam semua budaya, anak-anak yang membesar dalam sesuatu lingkungan persekitaran cenderung untuk menjadi sebagaimana yang mereka lihat di sekeliling mereka. Bagi Sullivan dan Wilson (1995), dalam usaha untuk mengenalpasti angkubah keluarga dan keibubapaan yang mempengaruhi masalah delinkuen, lazimnya kajian memfokuskan kepada angkubah demografik seperti saiz dan komposisi keluarga, kelas sosial, status pekerjaan ibubapa dan sebagainya. Angkubah-angkubah ini adalah berguna untuk mengenalpasti kumpulan yang berisiko. Sehubungan itu, hipotesis yang berkaitan dengan faktor demografik tersebut adalah seperti berikut:

Hipotesis 1 :

Terdapat perbezaan dalam kefungsiian keluarga mengikut tempat tinggal bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.

Hipotesis 2 :

Terdapat perbezaan dalam kefungsiian keluarga mengikut bilangan adik-beradik bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.

Hipotesis 3 :

Terdapat perbezaan dalam kefungsiian keluarga mengikut pendapatan bulanan keluarga bagi remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.





Menurut Dekovic (1999), ikatan yang positif daripada ibubapa membawa kefungsiian pada keluarga dan penglibatan dengan masalah antisosial dapat dielakkan. Kazarian (2005) yang telah mengkaji kefungsiian keluarga, orientasi budaya dan kesejahteraan psikologikal di kalangan pelajar universiti Lebanon ($N = 182$) mendapati bahawa pelajar universiti yang melaporkan kefungsiian keluarga yang lemah dan rendah juga melaporkan tahap kesejahteraan psikologikal yang rendah. Oleh demikian kefungsiian keluarga boleh bertindak sebagai penjangka (predictor) kepada kesejahteraan psikologikal. Dengan erti kata lain, keluarga yang bersifat patologi boleh membawa kepada kesejahteraan yang negatif. Manakala Anderson et al. (2002) pula dalam kajiannya ke atas 64 orang penjaga pesakit *Traumatic Brain Injury* (TBI) yang teruk mendapati bahawa kefungsiian keluarga yang tinggi secara tidak sihat mempunyai perkaitan dengan tahap kemurungan yang tinggi di kalangan penjaga pesakit, iaitu kefungsiian keluarga dikatakan mempengaruhi kemurungan secara psikologikal. Oleh demikian, hipotesis berikutnya dapat diterangkan seperti di bawah:

Hipotesis 4:

Terdapat hubungan di antara kepuasan hidup dengan kemurungan di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.

Hipotesis 5:

Terdapat hubungan di antara kefungsiian keluarga dengan kepuasan hidup di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.

Hipotesis 6:

Terdapat hubungan di antara kefungsiian keluarga dengan kemurungan di kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan delinkuen.

Umumnya, kajian ini terdiri daripada enam jawapan tentatif yang perlu dikaji secara lebih mendalam dengan menggunakan kaedah saintifik yang sistematik dan piawai. Penerangan dapatan pengujian akan diterangkan dalam bab-bab berikutnya.

